2 Januari 2026
2 January 2026
P.U. (A) 1

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (KADAR BAGI PREMIUM PERTAMA DAN PREMIUM TAHUNAN BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT) (PINDAAN) 2026

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (RATES FOR FIRST PREMIUM AND ANNUAL PREMIUM IN RESPECT OF DEPOSIT-TAKING MEMBERS) (AMENDMENT) ORDER 2026

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
(KADAR BAGI PREMIUM PERTAMA DAN PREMIUM TAHUNAN BERKENAAN
DENGAN ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT) (PINDAAN) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 dan 48 dan subperenggan 49A(1)*(b)*(i) dan 49A(2)*(b)*(i) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Menteri, atas syor Perbadanan, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Kadar bagi Premium Pertama dan Premium Tahunan berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) (Pindaan) 2026**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2026.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Kadar bagi Premium Pertama dan Premium Tahunan berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2023 [*P.U. (A) 219/2023*] dipinda dalam Jadual Pertama, dalam perenggan 2 dengan menggantikan subperenggan *(a)* dengan subperenggan yang berikut:

"*(a)* kadar premium asas adalah kadar bagi tahun-tahun taksiran yang dinyatakan dalam ruang (2), (3), (4) atau (5) yang bersetentangan dengan gred risiko sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) yang suatu anggota penerima deposit dikelaskan dalam tahun taksiran itu di bawah Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2023 seperti yang berikut:

Bil.	(1) Gred Risiko	Kadar Premium Asas			
		(2) 2025	(3) 2026	(4) 2027	(5) 2028 dan selanjutnya
1.	1	0.06%	0.06%	0.065%	0.075%
2.	2	0.12%	0.13%	0.14%	0.15%
3.	3	0.24%	0.26%	0.28%	0.3%
4.	4	0.48%	0.52%	0.56%	0.6%

”.

Dibuat 31 Disember 2025
[MOF.SBM(R) 600-41/39/95 (7); PIDM/PN/1/2025; PN(PU2)689/JLD.9]

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (RATES FOR FIRST PREMIUM AND ANNUAL PREMIUM IN RESPECT OF DEPOSIT-TAKING MEMBERS) (AMENDMENT) ORDER 2026

IN exercise of the powers conferred by sections 47 and 48 and subparagraphs 49A(1)*(b)*(i) and 49A(2)*(b)*(i) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [*Act 720*], the Minister, on the recommendation of the Corporation, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Rates for First Premium and Annual Premium in respect of Deposit-Taking Members) (Amendment) Order 2026**.

(2) This Order shall have effect from the assessment year of 2026.

Amendment of First Schedule

2. The Malaysia Deposit Insurance Corporation (Rates for First Premium and Annual Premium in respect of Deposit-Taking Members) Order 2023 [*P.U. (A) 219/2023*] is amended in First Schedule, in paragraph 2 by substituting for subparagraph *(a)* the following subparagraph:

"*(a)* base premium rate is the rate for the assessment years specified in column (2), (3), (4) or (5) which corresponds to the risk grade as specified in column (1) in which a deposit-taking member is classified for that assessment year under Second Schedule of the Malaysia Deposit Insurance Corporation (Differential Premium Systems in respect of Deposit-Taking Members) Regulations 2023 as follows:

No.	(1) Risk Grade	Base Premium Rate			
		(2) 2025	(3) 2026	(4) 2027	(5) 2028 and onwards
1.	1	0.06%	0.06%	0.065%	0.075%
2.	2	0.12%	0.13%	0.14%	0.15%
3.	3	0.24%	0.26%	0.28%	0.3%
4.	4	0.48%	0.52%	0.56%	0.6%

”.

Made 31 December 2025
[MOF.SBM(R) 600-41/39/95 (7); PIDM/PN/1/2025; PN(PU2)689/JLD.9]

ANWAR BIN IBRAHIM
Minister of Finance